

JACK MA

PENGASAS DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF ALIBABA GROUP

这就是马云

Biografi Rasmi
oleh Pembantunya

Jack Ma Sebenarnya yang Anda
Sendiri Tidak Jangkakan

CHEN WEI

Penterjemah
Dr. Chew Fong Peng

Penyelenggara
Goh Hin San



030951
HE



Prakata dalam buku *Jack Ma: Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Alibaba Group* ditulis oleh Jack Ma sendiri.

Buku ini pula ditulis oleh Chen Wei. Chen Wei mula berkenalan dengan Jack Ma 25 tahun yang lalu sejak menyertai kelas malam bahasa Inggeris anjuran Kelab Bahasa Inggeris Hangzhou pada 1992. Beliau menyertai Alibaba Group pada 2008 sebagai pembantu Jack Ma dan terus menyandang jawatan tersebut hingga kini selama sembilan tahun. Boleh dikatakan beliau ialah orang yang sangat mengenali dan paling rapat dengan Jack Ma.

JACK MA

PENGASAS DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF ALIBABA GROUP

这就是马云





TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

JACK MA

PENGASAS DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF ALIBABA GROUP
这就是马云

CHEN WEI

Penterjemah
Dr. Chew Fong Peng

Penyelenggara
Goh Hin San



Institut Terjemahan & Buku Malaysia
Kuala Lumpur
2017



PUSTAKA PERDANA



1011859

Buku **JACK MA: PENGASAS DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF ALIBABA GROUP** ini ialah terjemahan yang sah daripada buku 这就是马云 diterbitkan oleh Zhejiang People's Publishing House, No.347, Tiyuchang Road, Hangzhou, Zhejiang Province, China 310006.

Terbitan bersama oleh:
INSTITUT TERJEMAHAN & BUKU MALAYSIA BERHAD

(No. Syarikat: 276206-D)
Wisma ITBM, No. 2, Jalan 2/27E
Seksyen 10, Wangsa Maju
53300 Kuala Lumpur
Malaysia

Tel.: 603-4145 1800 Faks: 603-4142 0753
E-mel: publishing@itbm.com.my Laman Web: www.itbm.com.my

dan

HAN CULTURE CENTRE (M) SDN. BHD.

N-2-1 (B), Pusat Perdagangan Kota Damansara
No. 12, Jalan PJU 5/1
Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

Tel.: 603-6151 6684 Faks: 603-6143 5166
E-mel: info@hccm.com.my Laman Web: www.hccm.com.my

Cetakan Pertama 2017

© Karya Terjemahan oleh Han Culture Centre (M) Sdn. Bhd.

© Zhejiang People's Publishing House in 2013

Hak cipta © 2017 oleh Pusat Kebudayaan Han Malaysia

Hak cipta © 2015 oleh Chen Wei

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad dan Han Culture Centre (M) Sdn. Bhd.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Chen, Wei

JACK MA : Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Alibaba Group / Chen Wei ; Penterjemah Chew Fong Peng.

ISBN 978-967-12879-3-4

1. Ma, Yun, 1964- --Biography. 2. Businessman--China--Biography.

3. Electronic commerce--China. 4. Internet marketing--China.

I. Chew, Fong Peng. II. Judul.

978.883030951

Dicetak di Malaysia oleh:

Percetakan Advanco Sdn Bhd
No.23 Jalan Segambut Selatan,
51200 Kuala Lumpur.
Tel : 03-6258 9211
Email : p.advanco@gmail.com

978.883030951
C.H.E

KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	<i>ix</i>
<i>Prakata Edisi Ke-3</i>	<i>x</i>
<i>Pendahuluan</i>	<i>xiii</i>
<i>Koleksi Gambar Foto</i>	<i>xvii</i>
BAB 1: Jack Ma dan Kelas Bahasa Inggris Beliau	1
Guru Bahasa Inggris yang Datang Lewat	2
Pas Kelulusan Jack Ma	4
Di Luar Waktu Kelas	5
Agensi Terjemahan Haibo yang Masih Wujud di Hangzhou	10
Kisah G di dalam Kelas Bahasa Inggris Jack Ma	11
Akrab Umpama Bapa dan Anak	15
Kami Tetap Bersama	17
BAB 2: Jack Ma Menceburi Bidang Rangkaian Internet	23
Terjerat di Amerika Syarikat	23
Zhang Ying, Pasangan Hidup Jack Ma yang Setia	28
Angan-angan Gila	31
BAB 3: Jack Ma dan Zhang Jizhong	37
Tanggapan Pertama terhadap Zhang Jizong	37
Tentang “Pengembara yang Angkuh”	41



KANDUNGAN

Sidang Kemuncak Tasik Barat	43
Karya Terunggul	49
Sungai yang Bersilang	52
BAB 4: Alibaba, Saya Datang Sekarang!	57
Pembantu Baharu, Permulaan Baharu	57
Pengaruh Jack Ma di Forum Boao untuk Asia	61
Saya Si Dunggu dalam Penggunaan Internet	64
Saya sebagai Pembantu Jack Ma	65
Perkara yang Memalukan	69
BAB 5: Staf Alibaba yang Sibuk	75
Tahun 2008 yang Sibuk	75
Peristiwa 2009	85
Tahun 2010 dan Seterusnya	98
BAB 6: Minat dan Falsafah	101
Mahaguru Yuezhen	101
Pendeta Tao Li Yi	104
Inspirasi daripada <i>Jinyu</i>	114
<i>Jinyu</i> semasa Bercuti di Sanya	116
Jack Ma dan <i>Tao Te Ching</i>	119
BAB 7: Impian Taici Jack Ma	123
Belajar Taici pada Usia 40 Tahun	123
Kebudayaan Taici dan Alibaba	130
Jack Ma, Taici, Filem, Jet Li	132
Penyebaran Taici ke Dunia	134
BAB 8: Tanggungjawab Sosial dan Kebudayaan Syarikat	137
Tragedi Negara	137
Bangkit Semula selepas Bencana Berlaku	139
Kebajikan Awam	144
Jangan Putus Asa	146
Kuasa Budaya	148
Sambutan Ulang Tahun ke-10	152
Integriti – Berpegang pada Janji Meskipun Sakit	154
“Pemuda Mongol” yang Berbogel	156
Simpulan “Hiburan” yang Tidak Terungkai	158
Minat Jack Ma	163

KANDUNGAN

BAB 9: Keistimewaan Jack Ma dan Alibaba	169
Telur Goreng yang Lain daripada yang Lain	169
Sekolah Rendah dan Universiti	169
Bermain Silap Mata	171
Bermain Piano	172
Anjing dan Nasibnya	173
Lawatan ke Maotai	174
Melawat Staf	176
Malaikat yang Turun dari Langit	177
Melepaskan Jawatan Tertinggi	180
Kelas “Feng Qingyang”	182
Hari Akhir Zaman	183
“Bercakap Besar” semasa Persidangan Akhbar	184
Peribahasa di Tokong Taoguang	185
Karnival “11 November”	186
Perkongsian Pengalaman Kegagalan	187
Ucapan Tahun Baru	190
BAB 10: Jack Ma dan Selebriti	193
Tajaan Durian Runtuh	193
Shen Guojun	194
Guo Guangchang	196
Jet Li	198
Deng Yaping	200
Zhou Li Bo	201
Fan Zeng	201
Guo Taiming	202
Stephen Chow	203
Gunting Rambut	204
Pelabur yang Menyesal	206
Pemulihan Opera Shaoxing	207
BAB 11: Mengembara Bersama-sama Jack Ma	209
Wajah	209
Burger California	210
Persidangan D9	211
Sekilas Pandang Tokoh Usahawan	213
Chinatown	214
Pandangan Zhu Min terhadap Cara Asuhan Kanak-kanak	214
Golongan Kelas Atasan, Chai Chongxin	215

KANDUNGAN

Pelangi Steve Jobs	216
Gabenor California	216
Mereka Cerita Seni Mempertahankan Diri	217
Hulunbuir Prairie	218
Permainan di Padang Rumput	220
Berdengkur	221
BAB 12: Daripada Persaraan Hinggalah Tersenarai di Bursa Saham New York	223
Pengumuman “Persaraan”	223
Menyertai Aktiviti Sosial	227
Bertemu dengan Larry Ellison	229
Berkongsi Kisah di Universiti	231
Ulang Tahun Taobao ke-10	236
Pengacau dalam Pelbagai Industri	238
Membentuk Pasukan Eksekutif	247
Menyebarkan Aplikasi “ <i>Laiwang</i> ”	248
Taman Taici Zen	254
Kemuncak yang Tidak Dapat Menentang “Jerebu”	258
Karnival “11 November”	261
Kerja Amal	266
Alibaba Disenaraikan di Bursa Saham	271
LAMPIRAN I: “Ahli Alibaba” yang Tiada Impian	301
“Bercakap Besar” ialah Sikap Sehat dalam Hidup	302
“Utusan Imperial” dan Kehilangan Peradaban	305
Adam yang Waswas	307
Contoh Metamorfosis – Si Burung Helang	310
LAMPIRAN II: Ucapan Jack Ma dalam <i>1st World Internet Conference</i>	313


PRAKATA

Saya dan isteri merancang untuk bercuti di Maldives bersama dengan rakan-rakan. Sebelum bertolak, Chen Wei, pembantu peribadi saya mengatakan bahawa dia akan menghantar beberapa artikel untuk saya baca pada masa lapang.

Saya menyangka dia akan mengirinkan cerita jenaka seperti biasa, sehinggalah saya membuka e-mel di Maldives. Siapa sangka Chen Wei masih mengingati peristiwa dan kejadian pada masa lalu dengan jelas. Saya akui sebahagian daripadanya sudah pudar dari ingatan saya. Kini semua memori lama menggamit kembali serta “ditayangkan semula” di hadapan mata dan mengingatkan saya tentang hari-hari bahagia dahulu.

Saya sering berasa tidak senang hati setiap kali pergi ke lapangan terbang dan mendapati ada terbitan baharu buku biografi tentang saya dari semasa ke semasa. Hakikatnya, tidak ada sebuah pun daripadanya ialah hasil tulisan saya. Kadang-kadang, pembeli yang membeli buku tersebut di lapangan terbang akan meminta saya menurunkan tandatangan di atasnya. Saya agak serba salah kerana itulah kali pertama saya melihat buku itu dan langsung tidak mengetahui isi kandungannya, sama seperti pembeli buku itu.

Cerita yang dihantar oleh Chen Wei kepada saya adalah tentang peristiwa menarik yang berlaku antara kami dan kehidupan masa lalu. Yang paling penting ialah gaya penulisan beliau yang santai, lucu dan menghiburkan. Anda pasti khusyuk membacanya.



PRAKATA EDISI KE-3

“Buku pertama yang saya baca dari awal hingga akhir ialah buku yang saya tulis sendiri”. Itulah kebenaran yang saya sentiasa tekankan apabila buku *Zhe Caishi Ma Yun (Siapa Dia Jack Ma)* diterbitkan tiga tahun yang lalu. Yang ingin saya sampaikan ialah menulis buku tidaklah terlalu mencabar seperti yang kita bayangkan. Ya, ayat ini kedengaran seperti sedang bercakap besar. Ada orang yang sering bercakap berdegar-degar untuk memalsukan kebenaran; tetapi apabila saya bercerita, yang benar itu secara tidak sengaja kedengaran seperti sesuatu yang palsu.

Semua staf yang bekerja di Alibaba memiliki impian, namun saya hanya mempunyai tekaan. Pada penghujung setiap tahun, saya mula tertanya-tanya adakah Jack Ma akan menaikkan gaji saya? Adakah beliau akan menaikkan pangkat saya? Mujurlah saya tidak mengharapkan apa-apa ganjaran, oleh itu Jack Ma yakin bahawa sayalah satu-satunya staf di syarikat yang tidak pernah berasa terangsang dengan kata-kata motivasi dan semangat beliau.

Untuk “bercakap besar”, elemen utamanya ialah ada pendengar setia. Tidak ada apa-apa kesan baik mahupun buruk apabila kita “bersembang besar” asalkan menghiburkan hati kita. Sesetengah orang di syarikat menggelar saya “Ayah Chen”, mereka sering menemani saya makan tengah hari dan mendengar saya bersembang. Impian terbesar dalam kehidupan mereka ialah “menerbitkan sebuah buku”, manakala sekecil-kecil impian mereka ialah “mendapat kemunculan cameo dalam sesebuah buku”. Demi membantu mereka mencapai impian itu, saya memutuskan untuk menulis buku ini. Membantu orang lain tanpa syarat ialah satu-satunya prinsip yang saya amalkan.

Setahun yang lalu, buku ini dicetak semula dengan tajuk baharu, iaitu *Ze Haishi Ma Yun* (Lanjutan tentang Jack Ma), tetapi ditambah sedikit lagi isi kandungannya. Malah, kulit depan juga bertukar rupa. Hasilnya? Jualan buku tersebut melebihi jualan cetakan pertama.

Beberapa hari lepas, seorang pegawai senior yang ditukarkan dari Hangzhou memberitahu saya, “Semua penulis lain menulis tiga buah buku, hanya kamu yang menulis dua buah buku. Selepas ‘persaraan’ Jack Ma pada tahun lepas hinggalah Alibaba Group tersenarai di bursa saham Amerika Syarikat, banyak peristiwa yang berlaku, sekurang-kurangnya kamu tulis tentang semua itu. Saya sudah pun mencadangkan tajuk *Lanjutan Tentang Jack Ma* bagi buku yang kedua. Saya juga sudah fikirkan tajuk bagi buku yang ketiga, iaitu *Jack Ma: Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Alibaba Group*.”

Kebetulannya dua hari selepas itu, seorang pegawai dari syarikat penerbitan menelefon saya dan berkata, “Kulit depan dua buah buku syerbitan sebelum ini tampak agak kelakar dan tidak formal, bagaimana kalau anda kemas kini versi lama dan buat sedikit penambahan tentang peristiwa yang berlaku dua tahun kebelakangan ini? Kemudian, kita terbitkan dalam bentuk edisi khas.”

Sejak April tahun lalu, saya sudah lupa yang saya ada menulis rencana yang melebihi 300 patah perkataan. Kali ini saya bertekad untuk memasukkan sebahagian pengalaman Jack Ma dari tahun lepas hinggalah sekarang ke dalam buku baharu ini. Dengan itu, terhasillah Bab 12 dan bahagian Lampiran yang merupakan kandungan tambahan dalam buku ini; manakala tajuk baharunya mengikut cadangan pegawai senior itu, iaitu *Jack Ma: Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Alibaba Group*.

Bagaimanapun, jangan salahkan saya jika anda membeli buku ini tanpa membaca prakata saya terlebih dahulu, atau jika anda menyesal membeli buku ini kerana menganggap kandungan yang ditambah tidak banyak atau tidak cukup unsur humor.

Selama dua tahun ini semasa bersembang dengan rakan-rakan, saya sering berkata, “Anda akan muncul dalam buku saya yang seterusnya. Namun, jika anda terlalu berharap, tetapi saya tidak menyebut tentang kamu langsung, jangan salahkan saya atas kenaifan anda.”

Saya hanyalah orang biasa yang tidak pernah mengotakan apa yang saya janjikan.

Sebenarnya saya kurang gemar menulis kerana saya berasa bosan berhadapan dengan komputer sendirian. Saya lebih seronok bersembang secara berdepan. Selepas mengemas kini kandungan buku ini, saya bersumpah tidak akan menulis lagi!

Namun, saya tidak pasti sama ada pada kali ini saya mampu mengotakan janji terhadap diri sendiri ataupun tidak.

Chen Wei
November 2014



Penulis bersama dengan rakan-rakan di Pusat Taici.

PENDAHULUAN

Lihatlah dunia sekeliling, anda akan mendapati wujudnya jurang perbezaan yang ketara sesama manusia. Apabila kita menilai kehidupan ini, kita akan mendapati semua makhluk muka bumi merupakan produk kejayaan cemerlang yang telah berevolusi beratus juta tahun yang lalu. Jika ditinjau kembali, kita akan sedar bahawa kita ialah benda hidup yang mengalami evolusi berterusan secara terikat – tidak lebih dari itu.

Secara peribadi, saya berpendapat bahawa makna kehidupan adalah untuk “bercakap besar”. Daripada seseorang yang tidak dikenali hinggalah menjadi terkenal, dia harus melalui proses “bercakap besar” secara berterusan.

Belajar dan berfikir dapat mengubah sesuatu isi apabila kita bercakap besar dan berjuang untuk mengubah khalayak sasaran kita apabila sedang bercakap besar.

Bercakap besar kepada staf apabila anda juga seorang staf. Bercakap besar kepada para pengurus apabila anda menjadi pengurus. Bercakap besar kepada ketua atasan apabila anda juga seorang ketua atasan. Begitulah caranya untuk menjadikan hidup anda hebat.

Francis Bacon pernah berkata, “Ilmu ialah kuasa.” Setiap orang di dunia ini tahu akan ayat itu, namun tidak ramai yang tahu ayat yang seterusnya, iaitu “kebanyakan ilmu ialah hiasan semata-mata”. Dengan kata lain, ilmu digunakan untuk “bercakap besar”.

Tidak sukar untuk memahaminya jika anda mempertimbangkan soalan-soalan berikut. Adakah anda pernah menggunakan prinsip Teorem Pythagoras untuk membina rumah anjing? Adakah anda mengira bentuk parabola apabila anda membaling seketul tulang? Adakah anda menyukat jisim molar apabila membubuh garam ke dalam masakan? Kesemua jawapan bagi soalan

PENDAHULUAN

ini adalah “tidak”. Bukan setakat itu sahaja, malahan sepuluh daripada ribuan ahli sains yang melancarkan satelit mengamalkan sedikit sahaja pengetahuan profesional mereka.

Ada dua golongan manusia yang bahagia di dunia ini: golongan pertama ialah mereka yang suka bercakap besar, manakala golongan kedua ialah mereka yang suka mendengar cakap-cakap besar.

Orang yang tidak bercakap besar hidup sengsara walaupun dia memperoleh pencapaian yang tinggi, seperti Michelangelo. Orang yang boleh bercakap besar, tetapi tidak suka berbuat demikian juga hidup sengsara, seperti Arthur Schopenhauer; manakala orang yang suka dan mampu bercakap besar serta suka mendengar kata-kata gah daripada orang lain ialah orang yang paling bahagia, seperti Jack Ma.

Suatu hari semasa Jack Ma melalui tempat kerja staf, beliau terdengar gelak ketawa staf. “Dengar! Betapa riangnya mereka bercakap gah!” kata Jack Ma dengan penuh kagum.

“Mungkin apa yang sedang diomongkan itu, ‘Kalaulah saya Jack Ma, saya akan ...’” jawab saya.

Milan Kundera pernah berkata, “Manusia sentiasa hidup dalam dimensi lain.”

“Sebagai seorang ketua pegawai eksekutif, kerja saya ialah bercakap dan ‘bercakap besar’. Anda tidak ada pilihan dan terpaksa bertahan dengan kerendah ketua pegawai eksekutif seperti ini. Pada setiap kali, anda merasakan bahawa kata-katanya itu hanyalah omong kosong belaka yang ‘tidak mungkin’ berlaku, tetapi anda jugalah yang acap kali menyiapkan kerja ‘tidak mungkin’ itu dengan baik. Oleh itu, kerjasama kita sangat mantap,” Jack Ma berkata demikian dalam salah satu mesyuarat tahunan Taobao.

Kira-kira 2,100 tahun yang lampau, selepas membaca karya *Shi Ji* (Rekod Sejarah), Maharaja Wu pada Dinasti Han bernama Liu Che bertitah kepada Sima Qian, “Adakah ini buku sejarah yang sahih? Kamu pasti kamu betul-betul memahami beta? Perihal peristiwa yang berlaku dan belum berlaku ...”

Saya berpendapat bahawa asas sejarah itu ialah melodi suatu pemikiran. Semua maklumat yang tercatat umpama mata hitam dan putih pada papan kekunci piano. Setiap orang hanya dapat meneka sesuatu melodi bergantung pada papan kekunci itu.

Saban tahun, banyak sarjana dari universiti tersohor dunia datang ke syarikat Alibaba Group untuk menjalankan penyelidikan dan menulis kajian kes. Selepas menyiapkannya, mereka menunjukkan hasil kajian kepada Jack Ma dan meminta beliau menurunkan tandatangan.

“Adakah ini Alibaba? Ini bukan Alibaba!” Jack Ma akan menyoal pada setiap kali.

“Tuan tidak faham! Inilah Alibaba!” Para sarjana akan berkata demikian.

“Kalau begitu, baiklah saya terima kajian kalian ini sebagai Alibaba!” Saya tidak pasti sama ada Jack Ma ingin menilai diri sendiri atau beliau tidak mahu berhujah dengan mereka.

“Orang luar banyak membuat spekulasi tentang perihal kami yang enggan bekerjasama dengan eBay dahulu,” Jack Ma pernah berkata. “Sebenarnya hanya saya seorang yang tahu sebabnya. Saya rasa tidak senang hati melihatkan si polan dan si polan dalam pasukan eBay, tapi saya sangat kagum dengan ketua pegawai eksekutif wanita mereka.”

Jack Ma sendiri tidak dapat memberikan penjelasan yang munasabah mengapa beliau tidak senang hati dengan sesetengah orang. Ibarat apa yang dikatakan oleh Schopenhauer, “Manusia dapat melakukan apa yang ingin dilakukan mereka, tetapi tidak dapat berfikir sebagaimana yang patut difikirkan.”

Sepertimana perumpamaan sejenis bakteria yang ingin terbang, tetapi malangnya tidak mempunyai sayap, maka bakteria itu pun menyerang telur katak. Disebabkan serangan bakteria itu, berudu dan katak yang wujud menjadi cacat dan mudah dimakan oleh helang. Akhirnya, bakteria itu dapat mencapai cita-citanya yang ingin terbang bebas.

Saya bukan helang itu, sebaliknya sayalah bakteria yang berterbangan.

Kerjaya sebagai pembantu peribadi merupakan kerjaya yang istimewa. Kehidupan harian seorang pembantu juga berbeza dengan pembantu yang lain.

Sesetengah pembantu peribadi kepada pemimpin negara menyandang jawatan seperti timbalan menteri pada peringkat kementerian, manakala pembantu peribadi kepada bintang hiburan diibaratkan sebagai pengasuh harian mereka.

Pembantu bagi usahawan pula terdiri daripada setiausaha, perunding atau pengawal keselamatan peribadi.

Namun, peranan saya bukan apa-apa. Saya sudah mengenali Zhang Jizhong dan Jack Ma lebih 10 tahun dan pernah menjadi pembantu kepada kedua-dua tokoh ini. Apabila ditanya tentang tugas saya, saya tidak dapat memberikan jawapan yang tepat, sama ada untuk Zhang Jizhong mahupun untuk Jack Ma. Kepada mereka yang benar-benar mengenali saya, saya akan bergurau dan berkata, “Saya ialah ‘orang upahan’ yang hidup senang dan tiada kerja tetap.”

PENDAHULUAN

Saya tidak pernah mengatakan bahawa saya sangat memahami mereka. Saya hanya mencatatkan sedikit sebanyak peristiwa lazim yang dilalui oleh tokoh luar biasa ini. Saya tidak pasti sama ada papan kekunci hitam dan putih ini dapat mendekatkan anda kepada melodi yang sebenar.

Selain itu, ada sebahagian kecil “gossip” yang mungkin anda rasa tiada kaitan dengan Jack Ma, tetapi landasan kehidupan saya berubah mengikut “ukiran” Jack Ma. Oleh itu dari satu segi, hal itu turut berkait rapat dengan beliau. Saya menyusun jari memohon maaf sekiranya anda merasakan adakalanya saya “terkeluar tajuk”.



Jack Ma dan pasangan suami isteri Ken.

善用人才為大
領袖之學皆此
創辦創備之計
以創大業也願
馬雲兄弟常勉之

金庸

公元二〇〇一年
九月于阿里巴
宝瓶

Inskripsi Jin Yong (Louis Cha).




Jack Ma bersama dengan Jin Yong dan Zhang Jizhong di Meijiawu, Hangzhou pada September 2001.



Jack Ma menyampaikan ucapan di Young Elites Group, Hong Kong pada 2008.

Jack Ma dan Soros di Dewan Auditorium Kelab Jiangnan.



Tulisan kaligrafi Jack Ma semasa "jinyu" (bertapa tanpa berkata-kata) di Gunung Jinyun pada 2008.



Jack Ma berada di tempat Chen Wangting dengan aksi taichi.



Jack Ma menyebarkan taichi di India.



"Diserang" oleh sekawan lebah.



Gaya punk Jack Ma semasa Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-10 Alibaba Group.



Jack Ma bermain piano.




Semua pekerja melaungkan "Shuai!" bersama-sama.



Membicarakan hari akhir zaman.



Poster Jack Ma dalam Persidangan D9, Los Angeles.



Gambar berkumpul di Hulunbuir Prairie.



Jack Ma menulis kaligrafi berjudul "Ma Hua Teng".



Jack Ma terserempak dengan Jack Welch di New York.



*Jack Ma tiba di bangunan
Bursa Saham New York
pada awal pagi hari pertama
Alibaba Group tersenarai.*



Rakan kongsi Alibaba Group bergambar bersama-sama di hadapan pintu bangunan Bursa Saham New York.



Jack Ma bergambar dengan lapan wakil pelanggan pada hari pertama Alibaba Group tersenarai di Bursa Saham New York.



Urus niaga perdagangan pertama di Bursa Saham New York.

BAB 1

JACK MA DAN KELAS BAHASA INGGERIS BELIAU

Saya bertemu dengan Jack Ma pada awal 1992. Sudah lebih 20 tahun kami berkenalan. Pada mulanya, saya hanyalah salah seorang pelajar yang mengikuti kelas bahasa Inggeris yang diajar oleh Jack Ma. Beberapa tahun kemudian, hubungan kami semakin akrab dan menjadi kawan rapat walaupun sebahagian besar penguasaan bahasa Inggeris yang saya pelajari sudah pun saya “pulangkan” kepada Jack Ma.

Saya berasa tenang dan seronok setiap kali mengimbau detik-detik kehidupan di dalam kelas bahasa Inggeris di sekolah malam. Banyak orang dan peristiwa yang berlaku pada masa itu menjadi memori terindah dalam hidup saya. Beberapa orang rakan sekelas masih menjadi sahabat karib saya hingga kini. Yang di luar jangkaan saya ialah cara saya menjalani kehidupan seterusnya sangat berbeza berikutan rentetan peristiwa yang membawa kepada beberapa keputusan kecil yang saya ambil pada masa itu. Di sekolah malam, saya bersahabat baik dengan guru saya, Jack Ma, dan isteri beliau, Zhang Ying. Kemudian, saya mengenali Fan Xinman, penerbit dan pengarah program televisyen di *China Central Television (CCTV)* yang telah mengadakan sesi temu ramah di sekolah malam itu. Dari situ, saya mengenali Zhang Jizhong, suami kepada Pengarah Fan. Selepas itu, saya berpeluang menjadi pembantu kepada Zhang Jizhong dan Jack Ma. Apabila diingatkan kembali, saya hanya mampu menghela nafas kagum. Hidup ini sentiasa penuh dengan kejutan dan keajaiban. Apa-apa sahaja tindakan kita pada masa sekarang yang tidak disengajakan mungkin membuka peluang yang dapat membimbing kita untuk mengubah haluan hidup.

GURU BAHASA INGGERIS YANG DATANG LEWAT

Pada musim bunga 1992, iaitu tiga tahun selepas menamatkan pengajian di universiti, saya tinggal di asrama dan mempunyai banyak masa lapang pada waktu malam. Suatu hari, saya terdengar bahawa kelas malam bahasa Inggeris akan diadakan satu hingga dua kali pada setiap minggu di *Young Men's Christian Association (YMCA)* di Jalan Jiefang, bandar Hangzhou. Alang-alang mempunyai banyak waktu senggang, saya pun mendaftarkan nama di kelas tersebut. Saya bimbang kalau-kalau ada ujian atau penilaian kemasukan, lalu saya pun terus menyelongkar buku-buku bacaan bahasa Inggeris semasa di universiti dahulu dan mengulang kaji sepanjang hari. Namun, apabila saya tiba di kelas tersebut, sangkaan saya meleset. Tidak ada peperiksaan langsung, dan saya diberitahu bahawa saya boleh terus memasuki kelas.

Pada hari pertama, saya sampai awal di kelas bahasa Inggeris untuk berkenalan dengan rakan-rakan sekelas yang baharu. Sesetengah daripada mereka terdiri daripada murid sekolah menengah yang ingin melanjutkan pelajaran ke luar negara. Ada juga pelajar kolej ataupun pekerja kilang ... tetapi kebanyakan daripada mereka ialah graduan universiti yang baru bekerja seperti saya.

Sebaik sahaja loceng berbunyi, semua pelajar duduk bersedia. Namun, podium tetap kosong. Guru masih belum sampai. Beberapa minit kemudian, seluruh kelas mulai hingar bingar. Semakin ramai pelajar yang bangun dari tempat duduk mereka untuk meninjau ke luar, malah ada juga sesetengahnya yang mencadangkan supaya ada yang pergi bertanya barangkali kelas kami diadakan di bilik lain.

Pada masa yang sama, seorang lelaki bertubuh kurus dan kecil meluru ke podium. Belum pun sempat kedua-dua belah kakinya berdiri dengan stabil, lelaki itu bersuara, "Topik hari ini adalah tentang 'Datang Lewat'. Saya paling benci datang lewat kerana ini menunjukkan kamu tidak menghormati orang lain. Dari satu segi, datang lewat diibaratkan sebagai kamu sanggup membunuh seseorang untuk mendapatkan duitnya ..." Semua pelajar tergelak. Guru tersebut memohon maaf dengan cara menyindir dirinya sendiri. Beliau ialah Jack Ma.

Pada masa itu, Jack Ma ialah guru bahasa Inggeris di Hangzhou Institute of Electrical Engineering (kini dikenal sebagai Hangzhou Dianzi University). Beliau dan isterinya, Zhang Ying, ialah rakan sekelas di Jabatan Bahasa Inggeris di Hangzhou Normal College (kini dikenal sebagai Hangzhou Normal University). Selepas tamat pengajian, kedua-duanya bekerja di

Pejabat Pengajaran dan Penyelidikan Bahasa Inggeris di Hangzhou Institute of Electrical Engineering. Kedudukan institusi tersebut tercorot dan jauh ketinggalan berbanding dengan universiti dan kolej lain di Hangzhou. Walau bagaimanapun, pasangan suami isteri Ma ini adalah antara calon dalam senarai “Sepuluh Guru Bahasa Inggeris Terbaik” di universiti dan kolej di Hangzhou.

Selepas memberikan ucapan mukadimahnyanya, kami mendapati bahawa guru bahasa Inggeris ini lain daripada yang kami gambarkan. Di dalam kelas bahasa Inggeris kami yang lalu, kebanyakan guru akan mengajar kami mengikut isi kandungan buku teks, seperti menghafal kosa kata baharu, menilai teks bacaan, menjelaskan hukum tatabahasa dan sebagainya. Pada setiap akhir kelas, banyak pelajar yang mengalami kekeliruan. Bagaimanapun, Jack Ma ada gaya tersendiri. Beliau tidak terikat dengan buku teks dan kurang menekankan tatabahasa atau frasa ayat. Jack Ma lebih memfokuskan komunikasi lisan antara pelajar di dalam kelas, dan beliau biasanya mengemukakan isu-isu semasa sebagai topik perbincangan. Dengan kata-kata yang lucu dan gerak-geri tubuh beliau, cara tersebut berjaya meningkatkan semangat kami untuk belajar. Kami mempelajari kemahiran bercakap diselang seli dengan gelak ketawa.

Dalam setiap kelas, Jack Ma akan mengemukakan satu tema atau topik. Para pelajar akan memilih pendirian masing-masing, manakala beliau pula akan mempertahankan pendirian lain yang “tidak logik” untuk didebatkan. Di dalam kelas saya itu, ada beberapa orang rakan yang bekerja sebagai wakil syarikat ubat. Topik pada masa itu berkaitan dengan “komisen” dalam bidang perubatan. Kami memilih untuk menjadi pihak pembangkang, manakala Jack Ma bersendirian berada di pihak penyokong. Siapa sangka kami telah dikalahkannya dalam perdebatan itu.

Pada akhir perdebatan, Jack Ma memberitahu kami bahawa sebenarnya beliau sendiri juga membangkang komisen perubatan. “Jika tadi kamu memberikan hujah yang macam-macam, susah untuk saya menangkisnya ...” beliau memberitahu kami.

Walaupun ada sebilangan pelajar agak petah dan fasih bertutur dalam bahasa Inggeris, namun sepanjang ingatan saya, kami tidak pernah dapat mengalahkan Jack Ma walaupun sekali. Hal ini kerana bahasa Inggeris Jack Ma jauh lebih baik daripada kami dan beliau mempunyai perspektif yang sangat berbeza daripada yang lazimnya. Beliau “melihat dunia dengan sisi pandangan yang berbeza”.

PAS KELULUSAN JACK MA

Pada 1995, Kejohanan Dunia Bot Kuasa F1 diadakan di Xihu, Hangzhou. Lebih 200 jelitawan Hangzhou mendaftar untuk menjadi juruacara majlis. Jack Ma yang terkenal dengan bahasa Inggeris lisan di Hangzhou diupah oleh pihak penganjur untuk melatih jelitawan tersebut bertutur dalam bahasa Inggeris. Beliau juga dikehendaki memilih 50 orang daripada kumpulan itu sebagai peserta akhir. Pada masa itu, Jack Ma mengajar sepenuh masa di kolej di samping mengajar di sekolah malam, dan kini ditambah pula dengan tugas melatih jelitawan tersebut. Beliau sangat sibuk berkejar ke sana dan ke mari, tetapi beliau tidak pernah mengadu penat. Sebaliknya, beliau sering bermegah dengan kami tentang “Kelas Jelitawan” yang dikendalikan oleh beliau itu. “Cuba kamu bayangkan, lebih 200 jelitawan di Hangzhou mengenyit mata kepada saya sepanjang masa, membuat saya rasa gementar semasa mengajar di dalam kelas ...”

“Kalau Encik Ma rasa sangat penat, biarlah kami tolong sedikit. Kami sanggup berkongsi dengan Encik Ma.” Pelajar lelaki menyahut dengan penuh minat.

“Jangan harap! Saya akan terus mengajar walau betapa penat sekalipun!” Jack Ma membalasnya dengan tegas.

Jack Ma mempunyai kuasa veto “ya” atau “tidak” bagi memilih gadis-gadis itu untuk menjadi juruacara. Kami sering mengusik beliau. Sukar bagi seorang wira untuk melepasi ujian “kecantikan” seorang jelitawan, manakala sukar bagi seorang jelitawan untuk melepasi ujian “Jack Ma”. Kami menamakannya sebagai Pas Kelulusan Jack Ma di dalam kelas bahasa Inggeris pada masa itu. (Hal ini tidak boleh disamakan dengan syarat-syarat dalam “Perjanjian Shimonoseki” yang ditandatangani semasa Dinasti Qing yang memalukan negara walaupun kedua-dua istilah itu terdiri daripada tulisan Cina yang sama).

Kadang-kadang kami bertanya kepada beliau, “Apakah kriteria yang diambil kira untuk memilih seorang juruacara? Ukuran tubuh? Wajah? Ataupun tahap penguasaan bahasa Inggeris?” “Bukan! Musim perayaan menjelang tiba. Dalam hal ini, keputusannya bergantung pada siapa yang menghadahi saya daging *ham*,” Jack Ma berseloroh.

Di Taman Keenam di sepanjang Xihu (Tasik Barat), terdapat satu Sudut Bahasa Inggeris yang sering dikunjungi peminat bahasa Inggeris pada setiap pagi Ahad untuk berlatih kemahiran bertutur bahasa Inggeris mereka. Kami juga turut serta secara berkumpulan. Kami akan berlegar-legar di

Sudut Bahasa Inggeris pada waktu pagi dan bersempang dengan suara yang kuat, seperti guruh yang berdentam-dentum dalam bahasa Inggeris sambil membuat rancangan aktiviti petang kami, ibarat kata pepatah Melayu, sambil menyelam minum air.

Jack Ma turut pergi ke Sudut Bahasa Inggeris tersebut dari semasa ke semasa. Beliau mendapati semangat ingin belajar bahasa Inggeris sangat tinggi dan Sudut Bahasa Inggeris mingguan seperti itu sudah tidak memadai lagi. Oleh itu, Jack Ma membimbing kami untuk mengadakan satu lagi “Sudut Bahasa Inggeris” di dataran di hadapan pintu pagar Istana Belia pada setiap petang hari Rabu. Secara beransur-ansur, semakin ramai orang yang menyertai aktiviti ini, lalu membentuk momentum positif yang menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris. Tambahan pula, aktiviti ini diadakan pada waktu petang. Oleh itu, wajah setiap individu kelihatan samar-samar dan sukar untuk mereka melihat dan membezakan wajah antara satu sama lain. Hal ini mendorong semua peserta bercakap dengan lebih bebas tanpa rasa segan. Pada setiap petang hari Rabu, Sudut Bahasa Inggeris sangat meriah. Kedengaran bahasa *Chinglish* berterbaran di sana sini, malah ada juga peminat bahasa Inggeris yang cuba sedaya upaya untuk berkomunikasi menggunakan gerak isyarat. Mereka tidak kisah sama ada si pendengar mendapat mesej mereka ataupun tidak, asalkan mereka dapat melahirkan keterujaan mereka.

Melihatkan keadaan sedemikian, Jack Ma tersengih. “Idea ini bagus, bukan? Mereka menjadi semakin berani untuk bercakap dalam bahasa Inggeris apabila mereka tidak begitu nampak wajah orang lain.”

Selepas berlatih bersempang dalam bahasa Inggeris, mereka juga boleh masuk ke dalam Istana Belia untuk berseronok dan bermain-main dengan kanak-kanak di situ. Semua orang berasa girang seolah-olah kembali ke zaman kanak-kanak. “Sudut Bahasa Inggeris” di Istana Belia sangat popular sepanjang masa sebelum bermulanya musim sejuk.

DI LUAR WAKTU KELAS

Jack Ma dan saya tinggal di kawasan yang berhampiran, oleh itu kami sering pulang ke rumah bersama-sama selepas waktu kelas. Jack Ma menunggang basikal elektrik generasi pertama di Hangzhou. Walaupun menghasilkan bunyi seperti sebuah traktor, namun basikal tersebut tidak dapat bergerak laju. Beliau lewat menghadiri kelas pada hari pertama disebabkan oleh “traktor” beliau itu yang rosak di tengah jalan.



Gambar foto 1.1: Jack Ma membawa rombongan pelajar ke Bukit Da Qi.

Detik pada masa itu sangat indah dalam ingatan saya. Selain belajar bahasa Inggeris, kami sekelas juga mengadakan aktiviti bersama seperti minum teh, bermain kad, berkongsi cerita jenaka ...

Dalam kategori cerita jenaka, “prestasi” saya diberi penilaian “antara yang terbaik”. Kadang-kadang apabila jenaka rakan sekelas yang lain tidak begitu lucu, Jack Ma akan menyampuk, “Cerita jenaka kamu kedengaran sangat ‘kosong’. Apa kata kamu bagi Chen Wei ‘gilap’ dulu dan menceritakannya semula kepada kita, okey?” Kami telah berkongsi banyak cerita jenaka yang menarik pada masa itu. Contohnya, jenaka “Penjual Daging dan Gadis Jelita” yang masih disebut-sebut hingga sekarang dalam pertemuan kami.

Pada musim panas 1992, Wang Dan, seorang gadis cantik merancang untuk bermastautin di Australia bersama dengan suaminya tidak lama selepas dia menyertai kelas bahasa Inggeris. Kami berasa begitu berat untuk berpisah dengannya. Bagi kami Australia sangat jauh, umpama jarak antara bumi dengan bulan di langit. Jack Ma ialah satu-satunya orang yang pernah sampai ke sana dan itulah satu-satunya negara asing yang pernah dijejaki Jack Ma. Beliau kemudiannya menganjurkan rombongan ke Pulau Xinsha di Fuyang sebagai majlis perpisahan untuk Wang Dan.


Anak lelaki Jack Ma yang baru berusia satu tahun turut menyertai rombongan kami. Sewaktu sesi berenang, Jack Ma menyerahkan anaknya itu untuk dijaga oleh Ah Xing, pelajar yang paling pandai berenang dan

bertubuh paling tegap di dalam kelas kami. Selepas semua orang berada di dalam air, Ah Xing mendukung kanak-kanak kecil itu ke kawasan air yang cetek. Kanak-kanak itu mahu melepaskan dirinya daripada Ah Xing. “Kamu mahu berenang?” Ah Xing bertanya. Kanak-kanak itu mengangguk. Ah Xing pun melepaskannya ke dalam air.

Masakan kanak-kanak yang berusia satu tahun sudah pandai berenang. Sebaik sahaja Ah Xing melepaskannya, dia terus tenggelam. Kebetulan pula tiba-tiba muncul gelombang air yang menggulung dan kanak-kanak itu terus hanyut hilang daripada penglihatan! Mujurlah air tidak begitu dalam dan ramai orang yang berada di situ. Sepantas kilat, kanak-kanak itu berjaya diselamatkan. Walaupun hanya tenggelam selama kira-kira 10 saat, tetapi kanak-kanak itu sudah membatukkan banyak air.

Kini, kanak-kanak kecil itu membesar menjadi seorang pemuda setinggi 1.82 meter (kira-kira 5.97 kaki). Setiap kali nama Pak Cik Ah Xing disebut, itulah peristiwa pertama yang muncul di fikirannya.

Hubungan antara Jack Ma dengan pelajar sangat rapat. Para pelajar akan memberikan nombor telefon mereka kepada Jack Ma walaupun mereka ke luar negara. Semasa Tahun Baru Cina 2007, Zhang Jizhong dan saya berangkat ke Australia. Jack Ma meminta kami menziarahi Wang Dan jika ada kelapangan. Beliau memberikan alamat Wang Dan di Brisbane kepada saya.



Gambar foto 1.2: Pemuda yang mengangkat tangan dalam foto ini ialah penulis.

JACK MA

PENGASAS DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF ALIBABA GROUP

Peristiwa dan kejadian pada masa lalu sudah pudar daripada ingatan saya. Kini semua memori lama menggamit kembali serta “ditayangkan semula” di hadapan mata dan mengingatkan saya tentang hari-hari bahagia dahulu.

- Jack Ma

Buku ini mengajak kita melihat Jack Ma dari perspektif lain. Unsur humor di sebalik biografi beliau mencerminkan keyakinan dan kegigihan Jack Ma dalam kerjaya!

- Shi Yuzhu

Secara jujur, inilah satu-satunya buku biografi tentang Jack Ma yang saya baca sehingga tamat. Saya menggemari gaya penulisan yang santai, penuh dengan humor dan pengajaran!

- Yu Feng

Makhluk asing, anak emas bumi, Jack Ma yang mempunyai kuasa magis, awan terapung ... kononnya Jack Ma bersifat tidak menentu, pelik dan luar biasa. Secara umumnya, beliau bukan manusia. Apakah sisi beliau yang sebenar? Bacalah hasil penulisan pembantu Jack Ma, Chen Wei ini. Beliau mengembalikan wajah sebenar Jack Ma kepada para pembaca!

- Mai Jia



Institut Terjemahan & Buku Malaysia

